



جاپن مفتی نہیں یقلاع

قوله تعالى :

فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِن كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Soalan :

Adakah sah solat selama ini kerana baru sedar terdapat kesalahan bacaan rukun qauli pada tahiyyat akhir, Assalamu`alaika Ayyuhan Nabiyyu Warahmatullahi Wabarakatuh pada ayat (ayyuhan/ اَيُّهَا النَّبِيُّ) saya membaca dengan ha bulat ه sepatutnya ha pedas dan ayat (Wabarakatuh/ وَبَرَكَاتُهُ) tapi saya membaca huruf “ta” pada huruf terakhir pada ayat wabarakatuh. Adakah kesalahan itu merupakan lahn jali adakah sah solat saya selama ini kerana saya baru belajar?

وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته

Jawapan :

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas Nabi besar junjungan kita Muhammad SAW, keluarga, sahabatnya dan mereka-mereka yang mengikuti segala sunnah Nabi Muhammad SAW sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada tuan di atas soalan yang telah diajukan kepada kami.

Memang benar bacaan tahiyyat akhir adalah rukun *Qawli* dan ia wajib dibaca dan mesti didengari oleh telinga sendiri. (. *Kifayat al-Akhyar Fi Hal Ghayat al-Ikhtisar*, 1991 hlm. 109, Al-Fiqh al-Syafie Lil-Mubtadiin 2011. Hlm.59) Rukun *Qawli* dalam solat ada lima iaitu takbiratul ihram, bacaan surah al-Fatiyah, Tasyahhud akhir, selawat ke atas Nabi SAW dan salam yang pertama.

Berkaitan bacaan pada perkataan *Assalamu'alaika Ayyuhan Nabiyyu Warahmatullahi Wabarakatuh* pada ayat (Ayyuhani اللَّهُ أَيُّهَا النَّبِيُّ). Sebenarnya ha di

dalam perkataan (*Ayyuhan رَبِّ الْأَنْوَاتِ*) itu adalah ha bulat bukan ha pedas. Jika diteliti ha pedas ada pada perkataan *Warahmatullahi* iaitu pada wa **rah** matullahi (ورحمة الله). (Faidh al-Ilah al-Malik Fi Hal al-Alfaz Umdat al-Salik Wa Uddat al-Nasik. Juz. 1, Hlm. 125. 1953 M).

Manakala saudara membaca huruf "ta" pada huruf terakhir pada ayat *wabarakatuh* maka ia dieja *Wabarakatut* dan jelas ia tidak membawa maksud yang sepatutnya dibaca (apabila menukar ganti nama yang sepatutnya Allah) kepada tidak membawa maksud kepada Allah. Ha bulat pada perkataan **وَبِرَكَاتِهِ** itu adalah gantinama kepada Allah Taala.

Adalah dinasihatkan supaya saudara membetulkan bacaan pada setiap rukun *qawli* yang lain dengan merujuk guru yang mahir dan diperakukan. Mana-mana solat yang telah dikerjakan mohonlah keampunan Allah atas sebarang kesilapan ketika kita dalam keadaan tidak tahu dan dalam tempoh menuntut ilmu. Rasulullah SAW pernah bersabda tentang kesilapan umatnya tidak dikira sebagai dosa, sabda Nabi SAW:

إِنَّ اللَّهَ تَجَاوزَ عَنْ أُمَّتِي الْخَطَا وَالنَّسِيَانِ وَمَا اسْتَكْرَهُوا عَلَيْهِ

Maksudnya: "*Sesungguhnya Allah mengampunkan bagi umatku akan kesilapan, lupa dan apa yang dipaksakan ke atasnya. (Hadis riwayat Ibnu Majah dan Sahih Ibn Hibban serta selain keduanya)*"

Berdoalah sentiasa agar diampunkan Allah dan dimaafkan segala dosa yang disedari atau tanpa disedari.

Walaupun begitu jika sekiranya seseorang itu tahu kesalahan tersebut namun masih mengulangi maka perlu dijadikan solat-solat yang telah dikerjakan berserta taubat nasuha kepada Allah untuk tidak mengulanginya lagi.

Allah ada berfirman yang membawa maksud kesilapan hamba tidak dikira jika tersilap atau tersalah dalam melakukan sesuatu perkara yang hamba tersebut tidak maksudkan di hatinya.

وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جَنَاحٌ فِيمَا أَخْطَلْتُمْ بِهِ وَلَكُنْ مَا تَعْمَدُتْ قُلُوبُكُمْ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا.

Maksudnya: "*Dan kamu pula tidak dikira berdosa dalam perkara yang kamu tersilap melakukannya tetapi yang dikira berdosa itu ialah perbuatan yang disengajakan oleh hati kamu melakukannya. Dan ingatlah Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani*" (*Surah al-Ahzab ayat 5*).

Firman Allah Taala:

... رَبُّنَا لَا تَؤَاخِذنَا إِنْ نَسِيْنَا أَوْ أَخْطَلْنَا ...

Maksudnya: ... *Wahai Tuhan kami Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah* .(Surah al-Baqarah ayat 286).

Rujukan

Al-Quran al-Karim

Ala` Addin Ali bin Balban al-Farisi. 1988. *Al-Ihsan Fi Taqrib Sahih Ibn Hibban*, Beirut: Muassasah al-Risalah

Abu Abdullah Muhammad bin Yazid al-Qazwaini, 2009M. *Sunan Ibn Majah*, Beirut: Dar al-Risalah.

Abi Bakr bin Muhammad al-Husaini al-Damsyiqi al-Syafie. 1991M. *Kifayat al-Akhyar Fi Hal Ghayat al-Ikhtisar*. Beirut: Dar al-Khair.

Ahmad Mahmud Abu Hasooba. 2011M. *Al-Fiqh al-Syafie lil-Mubtadiin*. Kaherah: Dar al-Fadhilah.

Saiyyid Umar Barakat Ibn al-Marhum Al-Saiyyid Muhammad Barakat. Al-Shami al-Baqai` al-Makki al-Syafie. 1953 M. *Faidh al-llah al-Malik Fi Hal al-Alfaz Umdat al-Salik Wa Uddat al-Nasik..* Misr: Maktabah wa Matbaah Mustafa al-Babi al-Halabi Wa awladuhu.

Penulisan ini disediakan oleh:
Ustaz Muhammad Nizam bin Hj. Jamaludin
Panel Soal Jawab Agama Jabatan Mufti Negeri Pahang